

Masa yang orang-orang Islam sekarang berada di dalamnya sebenarnya

sedang patuh dengan kejadian-kejadian yang berbahaya dan menyediakan manakala seterus-seterus Islam pula tidak sunyi daripada menyediakan bagi kita berbagai-bagai angkara. Sekarang tidak ada peluang yang sangat-sangat sesuai bagi kita selain daripada bekerja terus membina perpaduan umat Islam dan menguatkan kedudukannya. Tiap-tiap kelemahan yang terbit daripada kita adalah bermakna suatu celah yang akan meloloskan tangan seterus-seterus dan pihak yang berniat khianat kepada kita, iaitu suatu perkara yang telah disedari oleh setengah penganjur-penganjur Islam di seluruh alam Islami lalu bekerja dengan seberapa daya upaya dan sekadar iman dan azam yang ada pada mereka. Dengan itu menjadilah bandar-bandar Kaherah, Karachi, Jakarta, Damsyik dan Baghdad medan kecergasan pergerakan Islam yang sangat-sangat luas dan sedang bertambah besar menurut bertambahnya fikiran tersebut di otak orang-orang yang sedang bekerja kerananya rasanya hanya suatu masa yang pendek maka kita akan mendengar kemudian daripada itu suara-suara yang nyaring dan bergema. Selain daripada kerja-kerja yang mendapat sepenuh-penuh kejayaan, menuju ke arah asas yang tetap teguh, yang di atasnya kita akan dapat membina tubuh lembaga Islam yang kekal abadi, biidhni Allah!

Sementara kita menunggu bergema suara-suara yang tersebut

maka hendaklah kita bersedia dari sekarang, Tuhan ada bersama kita. Wallah walī taufiq.

Perkataan yang lemah lembut itu melembutkan hati-hati yang lebih keras daripada batu-batu besar, dan perkataan yang kasar itu mengasarkan hati yang lebih halus daripada sutera.

* * *

Orang yang berakal itu mempunyai dua kelebihan: Akal yang memberi faedah dan perkataan yang berguna.

* * *

Orang yang berakal hendaklah menjaga dua macam: Tipu daya musuh-musuhnya dan kedengkian kawan-kawannya.

WASIAH YANG BERHARGA

Semudah-mudah urusan ialah masuk ke dalam perumahan; dan sepayah-payah urusan ialah keluar daripadanya.

* * *

Akal itu tumbuhnya sebagai tumbuh tanaman-tanaman dan tumbuhnya itu dengan ilmu dan pengalaman.

* * *

Tiap-tiap perkataan yang tidak ada peringatan kepada Allah itu lali; dan tiap-tiap diam yang tidak ada padanya hal berfikir itu lupa dan tiap-tiap pandangan yang tidak ada padanya pelajaran itu sesia.

* * *

Sejahat-jahat manusia ialah orang yang tidak mengambil endah manusia memandang jahat kepadanya.

* S * *

Tidak akan dapat engkau mencapai maksud melainkan dengan bersusah payah; dan tidak akan sampai kepada kemuliaan melainkan dengan budi pekerti.

* * *

Hendaklah ada akalmu itu di bawah agamamu dan percakapanmu di bawah pekerjaanmu dan pakaianmu di bawah darjatmu.

* * *

Lapang hati itu lebih baik daripada saku yang penuh.

* * *

“Demi (Tuhan yang) diriku dalam peliharaanmu, sesungguhnya seseorang daripada kamu mengambil tali lalu ia memikul kayu api ke atas bahunya maka yang demikian lebih baik daripada ia dating kepada seseorang meminta sedekah mahupun orang itu memberi atau tidak” – maksud Ḥadīth Ṣaḥīḥ riwayat al-Tirmizī dan Nasaī.